

*Artikel*

**Pelaksanaan Pentaksiran Autentik Kemahiran Lisan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Berdasarkan Pendekatan Tematik**

*(The Implementation of Authentic Assessment for Malay Language Oral Skills in Elementary Schools Based on a Thematic Approach)*

Norliza Ramlan, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamma\* & Zamri Mahamod

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang Koresponden: [munaruzanna@ukm.edu.my](mailto:munaruzanna@ukm.edu.my)

Diserah: 25 September 2024

Diterima: 20 Januari 2025

**Abstrak:** Dalam memastikan penguasaan kemahiran lisan bahasa Melayu murid berada pada tahap cemerlang, kualiti pentaksiran guru memainkan peranan utama. Pentaksiran autentik yang realistik, holistik, dan berterusan mampu menonjolkan potensi murid secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan meneroka langkah pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan pendekatan tematik. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes melibatkan lima guru bahasa Melayu dari lima sekolah rendah di negeri berbeza di Malaysia. Data dikumpul melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen menggunakan protokol temu bual, senarai semak pemerhatian, dan senarai semak analisis dokumen. Analisis tematik menggunakan perisian Nvivo14 mengenal pasti empat langkah pelaksanaan pentaksiran autentik: perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan refleksi guru. Dapatan daripada temu bual disokong oleh pemerhatian dan analisis dokumen, menunjukkan pelaksanaan pentaksiran autentik sebagai alternatif terbaik bagi menilai kemahiran lisan murid secara tematik. Kajian ini mencadangkan pembangunan garis panduan, modul, atau model untuk menyokong pelaksanaan pentaksiran ini bagi meningkatkan amalan pedagogi guru.

**Kata kunci:** Pentaksiran autenti; langkah pelaksanaan; kemahiran lisan; bahasa Melayu; pendekatan tematik

**Abstract:** Ensuring students' mastery of oral Malay language skills requires high-quality teacher assessments. Authentic assessments that are realistic, holistic, and continuous effectively highlight students' potential comprehensively. This study explores the implementation steps of authentic assessments for oral Malay language skills in primary schools based on a thematic approach. Using a qualitative case study design, the research involved five Malay language teachers from five primary schools across different states in Malaysia. Data were collected through interviews, observations, and document analysis, employing interview protocols, observation checklists, and document analysis checklists. Thematic analysis using Nvivo14 identified four implementation steps: planning, execution, evaluation, and teacher reflection. Findings from interviews were corroborated by observations and document analysis, affirming authentic assessment as the most effective alternative for evaluating oral skills within a thematic framework. This study recommends the development of guidelines, modules, or models to support teachers in enhancing pedagogical practices through authentic assessments.

**Keywords:** Authentic assessment; implementation steps; oral skills; Malay language; thematic approach

## Pengenalan

Kemahiran lisan merujuk kepada kebolehan individu untuk mendengar, memahami, dan berkomunikasi secara efektif melalui pertuturan. Ia melibatkan keupayaan mendengar, memahami mesej, mengartikulasikan pemikiran, serta memberikan respons yang relevan. Penggunaan gaya bahasa verbal dan bukan verbal dalam kemahiran lisan yang berkesan oleh mampu meningkatkan motivasi murid, mendorong kerjasama yang baik, dan mempertingkatkan responsiviti murid dalam pembelajaran (Nur Fatin Adlina & Zarina, 2024). Walaupun penting, kemahiran lisan sering diabaikan dalam pengajaran Bahasa Melayu, di mana keutamaan lebih diberikan kepada kemahiran membaca dan menulis (Chew & Abdul Jalil, 2008). Kekurangan pentaksiran awam untuk kemahiran ini turut menyumbang kepada persepsi bahawa ia kurang penting (Rozana, 2020), meskipun kemahiran ini amat kritikal dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia (Fa'izah et al., 2009).

Transformasi pendidikan di Malaysia, seperti melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, menekankan pentaksiran berterusan yang menilai penguasaan murid secara menyeluruh (KPM, 2012). Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menawarkan pendekatan alternatif yang lebih holistik berbanding ujian konvensional, termasuk pentaksiran autentik yang berasaskan tugas praktikal (Sh. Siti Hauzimah, 2019). Guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan pentaksiran ini dengan perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan refleksi. Pendekatan tematik dapat menyokong pentaksiran autentik dengan menghubungkan pembelajaran kepada tema tertentu. Pendekatan ini membantu murid mengaitkan pembelajaran dengan dunia sebenar, sekali gus menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif (Kon, 2014). Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) melaporkan bahawa pendekatan tematik akan dilaksanakan sepenuhnya di sekolah Malaysia pada 2023 (KPM, 2021).

Namun, kajian mendapati guru menghadapi cabaran dalam melaksanakan pentaksiran kemahiran lisan secara efektif. Pengajaran linear dan kekurangan aktiviti mendengar serta bertutur yang menarik menyumbang kepada kelemahan ini (Mohd Farik & Musirin, 2020). Elfia et al. (2019) menegaskan bahawa pelaksanaan pentaksiran kemahiran lisan masih belum optimum, manakala Nor Azizah et al. (2020) melaporkan sebahagian guru kurang peka terhadap aktiviti pentaksiran yang sesuai. Kekurangan kemahiran guru dalam pentaksiran juga menjadi cabaran utama (Halimah & Rozita, 2019).

Bagi mengatasi kekangan ini, guru disarankan mempelbagaikan bentuk pentaksiran menggunakan pendekatan sistematik (Hariatul et al., 2021). Pentaksiran autentik dan pendekatan tematik apabila digabungkan mampu memberikan gambaran lebih menyeluruh tentang penguasaan kemahiran lisan murid. Kajian ini bertujuan meneroka langkah pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan bahasa Melayu berasaskan pendekatan tematik dengan lebih spesifik. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyediakan panduan praktikal kepada guru untuk meningkatkan amalan pentaksiran bagi kemahiran lisan yang dilaksanakan di sekolah rendah.

## Sorotan Literatur

Kesediaan guru untuk menerima perubahan pendidikan dapat ditingkatkan melalui pengetahuan dan kemahiran profesional, termasuk melalui latihan yang berfokus kepada amalan pedagogi yang lebih berkesan (Sharida et al, 2024). Namun, ketidakselarasan dalam langkah pelaksanaan pentaksiran autentik terus menjadi isu utama dalam konteks pendidikan sekolah rendah, walaupun pendekatan ini diakui berpotensi memberikan gambaran holistik terhadap pencapaian murid. Kalai (2020) mendapati bahawa guru sering melaksanakan langkah pentaksiran secara tidak seragam, menyebabkan kebolehpercayaan proses pentaksiran terjejas. Siti Nor Aishah (2019) turut melaporkan bahawa kegagalan guru mengikuti langkah pelaksanaan yang sistematis menyebabkan proses pentaksiran menjadi tidak teratur. Norlela dan Shamsuddin (2020) pula menegaskan bahawa kebanyakannya amalan pentaksiran masih cenderung kepada pendekatan tradisional dengan hanya sedikit inovasi diperkenalkan. Kajian-kajian ini, bagaimanapun, tidak memberikan perhatian kepada keperluan menyeragamkan langkah-langkah pelaksanaan pentaksiran autentik dalam konteks kemahiran lisan bertema, yang memerlukan pendekatan lebih kontekstual dan sistematik.

Dalam kajian berkaitan pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan bertema, pelbagai cabaran telah dikenal pasti. Juliper (2020) serta Rizki et al. (2021) menekankan kekurangan logistik dan infrastruktur, khususnya di sekolah rendah, sebagai penghalang utama. Walaupun dapatan ini memberi gambaran tentang

halangan fizikal, ia tidak menggariskan langkah spesifik yang boleh diambil oleh guru untuk menangani isu kekurangan sumber. Selvi dan Wastika (2020) pula menunjukkan pentingnya perancangan fleksibel dan adaptif, terutama dalam situasi pandemik. Namun, kajian ini lebih berfokus kepada pengajaran umum berbanding langkah praktikal pelaksanaan pentaksiran autentik dalam suasana pembelajaran harian. Ini mencerminkan keperluan kajian lanjut untuk meneliti langkah-langkah pelaksanaan yang mampu mengatasi cabaran logistik sambil menyediakan panduan yang lebih terperinci.

Kajian Syafiqah et al. (2021) menggariskan langkah umum untuk melaksanakan pentaksiran autentik, tetapi tidak membincangkan isu keseragaman pelaksanaan antara guru sekolah rendah. Selain itu, kajian ini tidak memperincikan bagaimana langkah tersebut boleh diadaptasi mengikut tema pembelajaran atau disesuaikan dengan keperluan sekolah di kawasan berlainan, seperti bandar dan luar bandar. Rahmawati (2021), walaupun membincangkan pelaksanaan pentaksiran autentik bagi Bahasa Indonesia, tetapi kajian ini tidak menyentuh keunikan kemahiran lisan bertema. Pendekatan holistik yang digariskan dalam kajian ini kurang menekankan aspek komunikasi lisan dengan tema tertentu, yang mencerminkan jurang dalam literatur sedia ada.

Kajian Firdayu dan Ardiyal (2021) serta Rejeki et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan bahan visual dan media dapat meningkatkan motivasi serta keterlibatan murid, menjadikan pentaksiran lebih menarik. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mendalami cabaran seperti kesediaan guru menggunakan teknologi atau akses murid kepada alat media. Dalam konteks pengurusan pembelajaran lisan, kajian Nur Anis dan Abdul Halim (2020) mendapati guru menghadapi kesukaran mengawal proses pembelajaran. Sementara itu, Lee dan Faridah Mydin (2022) serta Dayang Julida dan Muhd Izwan (2021) melaporkan bahawa pendekatan pembelajaran berpusatkan murid mampu meningkatkan keterlibatan murid. Namun, kajian-kajian ini tidak memberikan panduan terperinci tentang pelaksanaan pendekatan berpusatkan murid dalam kelas besar atau dengan kekurangan sumber.

Kajian Ahmad Burhanuddin (2021) dan Hasibuan serta Irzawati (2020) menekankan kepentingan penilaian kendiri dalam pentaksiran autentik bagi membantu murid memahami kekuatan serta kelemahan mereka. Namun begitu, langkah-langkah pelaksanaan yang berkesan bagi penilaian kendiri masih kurang dibincangkan. Kekurangan ini menunjukkan keperluan panduan lebih sistematik untuk guru melaksanakan penilaian kendiri sebagai sebahagian daripada pentaksiran autentik kemahiran lisan bertema.

Selain itu, Muhammad Noor et al. (2020) pula menegaskan kekurangan garis panduan jelas sebagai halangan utama. Kajian oleh Masfarizan dan Mohammed Yusoff (2020) turut melaporkan isukekangan masa yang dihadapi guru, menjadikan pelaksanaan pentaksiran yang mendalam dan berkesan lebih mencabar. Walaupun kajian-kajian ini menyoroti cabaran utama seperti pengurusan masa dan keperluan bimbingan, tiada penyelesaian konkret yang ditawarkan.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu menggariskan pelbagai cabaran seperti kekurangan sumber, logistik, waktu, dan garis panduan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik. Walaupun wujud panduan umum, masih terdapat kekurangan langkah pelaksanaan spesifik yang praktikal serta berstruktur untuk menyokong guru dalam konteks kemahiran lisan bertema. Jurang ini memberikan asas kepada kajian ini untuk meneroka langkah pelaksanaan pentaksiran autentik yang lebih terarah, sistematik, dan sesuai dengan keperluan pendidikan Bahasa Melayu di sekolah rendah.

## Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes pelbagai lokasi (Yin, 2018). Kaedah ini dipilih untuk memperoleh gambaran mendalam mengenai pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan pendekatan tematik (Creswell & Poth, 2018). Kajian menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Pendekatan ini selaras dengan saranan Merriam (2009) yang menekankan kepentingan penggunaan pelbagai sumber data untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif.

Lokasi kajian melibatkan lima sekolah rendah yang dipilih secara bertujuan dari negeri-negeri yang telah melaksanakan projek rintis dan showcase pendekatan tematik di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap sekolah diwakili seorang guru Bahasa Melayu yang dipilih berdasarkan

komitmen dan penglibatan aktif dalam melaksanakan pentaksiran autentik serta pendekatan tematik dalam pengajaran. Pemilihan ini bersesuaian dengan pendekatan yang disarankan oleh Patton (2015), yang menekankan keperluan pemilihan lokasi dan peserta kajian yang dapat memberi data yang kaya dan relevan.

Tiga instrumen utama digunakan dalam kajian ini ialah protokol temu bual, senarai semak pemerhatian, dan senarai semak analisis dokumen (Creswell, 2014). Protokol temu bual dirangka untuk mendapatkan pandangan mendalam daripada peserta tentang amalan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik (Kvale, 2007). Senarai semak pemerhatian digunakan bagi merekod pemerhatian langsung terhadap pelaksanaan aktiviti autentik di dalam bilik darjah (Spradley, 2016), manakala senarai semak analisis dokumen membantu menilai dokumen seperti rancangan pelajaran dan bahan pentaksiran (Bowen, 2009). Pemilihan instrumen-instrumen ini adalah selaras dengan objektif kajian untuk memahami langkah pelaksanaan pentaksiran autentik yang dijalankan.

Bagi menganalisis data, perisian Nvivo14 digunakan untuk membantu dalam pengurusan data secara sistematis dan analisis tematik (Clarke & Braun, 2017). Analisis tematik dijalankan melalui proses kodifikasi data yang teliti, melibatkan pengenalpastian tema-tema utama yang mencerminkan fenomena yang dikaji. Penggunaan NVivo14 memudahkan pemetaan tema, analisis silang data, dan pengesahan triangulasi data (Miles et al., 2014), sekali gus memastikan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian.

## Dapatan Kajian

### 1. Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai lima orang guru Bahasa Melayu yang dipilih secara persampelan bertujuan (Patton 2002) untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan bahasa Melayu sekolah rendah berdasarkan pendekatan tematik. Latar belakang peserta kajian yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Latar belakang peserta kajian

Peserta kajian	Negeri	Sekolah	Jantina	Umur (tahun)	Kelulusan akademik	Opsyen	Pengalaman mengajar (tahun)
GBM1	Sarawak	SR1	L	53	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	30
GBM2	Perak	SR2	P	38	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	13
GBM3	Kelantan	SR3	P	44	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	23
GBM4	Melaka	SR4	P	51	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	23
GBM5	Selangor	SR5	P	42	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Melayu	15

Jadual 1 menunjukkan profil bagi lima orang peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini. Setiap peserta kajian mewakili setiap sekolah yang terletak di Sarawak, Perak, Kelantan, Melaka dan Selangor. Seorang peserta kajian merupakan guru lelaki dan empat orang lagi merupakan guru perempuan yang berumur dalam lingkungan 38 tahun hingga 53 tahun. Kesemua peserta kajian memiliki Ijazah Sarjana Muda dan seorang daripada peserta kajian turut memiliki Ijazah Sarjana. Selain itu, kesemua peserta kajian juga merupakan guru opsyen Bahasa Melayu dengan pengalaman mengajar melebihi 10 tahun ke atas. Latar belakang peserta kajian yang pelbagai ini dapat memperkayakan maklumat agar lebih terperinci dan tepat bagi menjawab persoalan kajian sekali gus mencapai objektif kajian.

### 2. Langkah Pelaksanaan Pentaksiran Autentik

Pentaksiran autentik kemahiran lisan adalah pentaksiran yang dilaksanakan menerusi aktiviti autentik yang dijalankan semasa sesi PdP. Pentaksiran ini dinilai terhadap murid secara terus melalui aktiviti autentik

tersebut. Oleh yang demikian, dalam melaksanakan PdP yang berkesan untuk penyediaan ke arah pentaksiran autentik kemahiran lisan, beberapa langkah haruslah dititikberatkan. Berdasarkan triangulasi dapatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dijalankan terhadap peserta kajian, terdapat empat langkah pelaksanaan aktiviti autentik iaitu (a) perancangan, (b) pelaksanaan, (c) penilaian dan (d) refleksi guru.

Jadual 2. Langkah pelaksanaan pentaksiran

Bil.	Langkah pelaksanaan	Dapatkan utama (Temu bual)					Dapatkan Sokongan	
		GBM1	GBM2	GBM3	GBM4	GBM5	Pemerhatian	Analisis Dokumen
a)	<b>Perancangan</b>						-	/
	• Membuat rujukan	/	/	/	/	/	-	/
	• Objektif PdP	-	/	/	/	/	-	/
	• Pemilihan tema	/	/	/	-	/	-	/
	• Bilangan murid	/	/	/	/	/	-	-
	• Aras murid	/	/	/	/	/	-	-
	• Lokasi	/	/	/	/	/	/	-
	• Bahan bantu belajar	/	/	/	/	/	/	/
	• Makluman awal	/	/	/	/	/	/	/
b)	<b>Pelaksanaan</b>						/	/
	• Set Induksi	/	/	/	/	/	/	/
	• Aktiviti kumpulan	/	/	/	/	/	/	/
	• Aktiviti individu	/	/	-	-	/	/	/
	• Aktiviti berpasangan	/	/	/	/	/	/	/
	• Penutup	-	/	/	-	/	/	/
c)	<b>Penilaian</b>						/	/
	• Penilaian Guru	/	/	/	/	/	/	/
	• Penilaian Rakan	-	/	/	/	/	/	/
	• Penilaian Kendiri	-	-	/	-	-	/	/
d)	<b>Refleksi guru</b>						-	-
	• Maklum balas aktiviti	-	/	/	/	-	-	-
	• Aktiviti intervensi	-	/	/	-	-	-	/

### Perancangan

Perancangan yang teliti dan rapi adalah elemen penting dalam memastikan pelaksanaan aktiviti autentik berjalan dengan lancar. Dalam konteks pentaksiran autentik kemahiran lisan Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan tematik, peserta kajian menekankan beberapa aspek utama dalam merancang aktiviti. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, lapan perkara utama yang dinyatakan oleh peserta kajian mengenai langkah perancangan aktiviti iaitu, membuat rujukan, objektif PdP, pemilihan tema, bilangan murid, aras murid, lokasi, bahan bantu dan makluman awal.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dalam merancang aktiviti, langkah pertama yang diambil oleh peserta kajian adalah membuat rujukan terlebih dahulu. Peserta kajian merujuk dokumen seperti DSKP, RPT, dan buku teks untuk memastikan objektif pembelajaran yang jelas. Menurut peserta kajian, DSKP, yang mengandungi elemen seperti standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi adalah rujukan utama dalam menentukan elemen-elemen pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti contoh dapatan temu bual berikut.

*“Biasa saya akan buat rujukan dulu, rujuk buku teks, RPT, DSKP untuk tentukan objektif pembelajaran.”*  
(TB/GBM5/SR5)

Peserta kajian juga menyatakan bahawa objektif yang ditentukan adalah berdasarkan standard pembelajaran yang perlu dicapai. Objektif PdP ini menjadi panduan utama dalam menentukan aktiviti autentik yang sesuai untuk dilaksanakan. Analisis dokumen yang dilakukan terhadap RPH, RPT, dan DSKP

mengesahkan bahawa objektif yang tercatat pada RPH selaras dengan standard kandungan dan pembelajaran dalam RPT dan DSKP.

*“Dalam merancang sesuatu aktiviti pentaksiran, saya akan menentukan objektif pentaksiran selaras dengan Standard Pembelajaran yang hendak dicapai.”*

(TB/GBM2/SR2)

Pemilihan tema adalah langkah penting dalam perancangan aktiviti autentik berdasarkan pendekatan tematik. Tema biasanya dipilih lebih awal dan dicatat dalam RPT, dengan persetujuan daripada beberapa guru mata pelajaran yang terlibat. Pemilihan tema ini selaras dengan apa yang tercatat dalam dokumen RPH dan RPT, yang menunjukkan hubungan antara tema yang dirancang dengan pencapaian standard pembelajaran.

*“Jadi tema ini telah dipersetujui oleh semua guru mata pelajaran yang bergabung pada minggu tersebut. Jadi kita ikutlah tema tersebut.”*

(TB/GBM5/SR5)

Dalam merancang pentaksiran kemahiran lisan, aspek bilangan murid dan aras kebolehan murid juga sangat penting. Aktiviti autentik yang dirancang haruslah sesuai dengan jumlah dan tahap kebolehan murid bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaan. Pemerhatian menunjukkan bahawa aktiviti sering kali diubah mengikut bilangan murid yang terlibat, dan ia juga dipertimbangkan berdasarkan tahap kebolehan murid.

*“Saya tentukan murid yang terlibat dengan aktiviti tersebut, sama ada libatkan semua murid atau murid yang saya nak tafsir sahaja.”*

(TB/GBM3/SR3)

*“Untuk merancang, saya mengambil kita tahap murid, kebolehan dia, penguasaan dia....”*

(TB/GBM4/SR4)

Selain itu, pemilihan lokasi aktiviti juga dipertimbangkan mengikut keperluan aktiviti tersebut. Lokasi yang sesuai penting bagi kelancaran pelaksanaan, dan peserta kajian menyatakan bahawa aktiviti yang memerlukan ruang yang lebih luas seperti permainan bahasa akan dijalankan di luar bilik darjah. Pemerhatian mengesahkan bahawa sesetengah aktiviti dijalankan di ruang yang lebih luas seperti dewan serba guna.

*“Biasanya saya laksanakan aktiviti di dalam kelas. Tapi ada juga saya bawa murid keluar misalnya ke perpustakaan, tapak perhimpunan ke.”*

(TB/GBM3/SR3)

Bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap kebolehan murid juga merupakan elemen penting dalam perancangan. Peserta kajian menunjukkan bahawa bahan yang digunakan hendaklah relevan dan diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk yang dibeli, disediakan sendiri, atau dibawa oleh murid. Ini juga disokong oleh pemerhatian yang menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar yang telah dicatat dalam RPH.

*“Dalam proses ini kita ambil kira, bahan yang kita nak guna...Bahan yang kita gunakan itu sumbernya dari mana, sesuai atau tidak dengan tahap murid kita.”*

(TB/GBM1/SR1)

Makluman awal kepada murid mengenai aktiviti yang akan dijalankan adalah penting untuk memastikan mereka dapat membuat persediaan yang diperlukan. Makluman awal juga memudahkan pelaksanaan PdP kerana murid sudah bersedia dengan bahan yang diperlukan. Pemerhatian menunjukkan bahawa makluman awal ini telah dilakukan oleh peserta kajian sebelum aktiviti bermula, membolehkan murid dan guru membuat persediaan dengan baik.

*“Saya akan maklumkan kepada murid tentang aktiviti ini awal supaya murid itu bersedia...”*

(TB/GBM3/SR3)

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perancangan yang teliti dan terperinci, meliputi aspek seperti membuat rujukan, menetapkan objektif PdP, memilih tema, menentukan bilangan dan aras murid, memilih lokasi, menyediakan bahan bantu mengajar, serta memberi makluman awal kepada murid adalah langkah penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan aktiviti autentik kemahiran lisan.

### *Pelaksanaan*

Pelaksanaan aktiviti pentaksiran autentik kemahiran lisan adalah satu sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dijalankan dengan mengadakan aktiviti autentik kemahiran lisan berdasarkan pendekatan tematik. Aktiviti autentik yang dilaksanakan ini bertujuan untuk menilai kemahiran lisan murid secara langsung. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lima langkah yang dinyatakan oleh peserta kajian dalam pelaksanaan aktiviti pentaksiran autentik tersebut iaitu set induksi, aktiviti individu, aktiviti berkumpulan, aktiviti berpasangan dan penutup.

Pelaksanaan aktiviti pentaksiran autentik kemahiran lisan dimulakan dengan langkah set induksi, yang merupakan langkah penting untuk menarik perhatian murid serta mempersiapkan mereka untuk pembelajaran yang akan dilakukan. Dalam langkah ini, murid diperkenalkan dengan tema, tajuk, dan objektif pembelajaran yang telah dirancang. Menurut peserta kajian, set induksi bukan sahaja untuk menghubungkan pengetahuan sedia ada murid dengan tema pembelajaran, tetapi juga untuk membangkitkan minat murid terhadap sesi PdP tersebut. Dalam pelaksanaannya, aktiviti seperti simulasi, nyanyian, soal jawab, dan bicara tentang gambar sering digunakan, seperti yang tercatat dalam dokumen RPH yang menunjukkan bahawa aktiviti set induksi adalah langkah pertama yang dirancang oleh guru dalam setiap sesi PdP.

*“Kadang-kadang saya mulakan PdP saya dengan menyanyi untuk naikkan semangat murid belajar.”*

(TB/GBM3/SR3)

Seterusnya, aktiviti berkumpulan menjadi pilihan utama dalam pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan. Aktiviti ini memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi, berbincang, dan berkongsi idea dengan rakan-rakan mereka. Dalam pembentukan kumpulan, peserta kajian menyatakan bahawa murid tidak dipisahkan mengikut aras kebolehan, sebaliknya mereka dibiar bercampur bagi memastikan perbincangan yang lebih inklusif. Dapatkan pemerhatian menunjukkan bahawa aktiviti berkumpulan dijalankan dengan pelbagai cara, seperti yang dicatat dalam dokumen RPH yang mendokumentasikan aktiviti berkumpulan sebagai langkah penting dalam PdP.

*“Dalam saya tentukan kumpulan murid ni, biasanya dalam kumpulan tu, tak semua budak pandai. Saya suka campur budak pandai dan budak kurang pandai.”*

(TB/GBM1/SR1)

Di samping itu, aktiviti individu juga diadakan untuk memberi peluang kepada murid menunjukkan kemahiran lisan mereka secara individu. Aktiviti seperti bercerita, bersoal jawab, dan menyuarakan pendapat dilaksanakan untuk menilai kemampuan murid dalam menyampaikan idea mereka secara bebas. Pemerhatian terhadap sesi PdP menunjukkan bahawa aktiviti ini memberikan murid ruang untuk berbicara dan menyampaikan pandangan mereka, yang seterusnya disokong oleh catatan dalam dokumen RPH yang memperlihatkan pelaksanaan aktiviti individu secara terancang.

*“Untuk bercerita, saya biasanya akan membuat secara individu atau berpasangan.”*

(TB/GBM2/SR2)

Selain itu, aktiviti berpasangan turut dilaksanakan mengikut kesesuaian aktiviti yang dijalankan. Aktiviti seperti main peranan, simulasi, dan lakonan sering dilaksanakan dalam pasangan bagi membolehkan murid berkolaborasi dan mengasah kemahiran komunikasi mereka. Peserta kajian menyatakan bahawa aktiviti berpasangan membantu murid berinteraksi dengan lebih dekat dan memperkuuh kefahaman mereka terhadap tema yang dipelajari. Pemerhatian dan analisis dokumen juga menunjukkan bahawa aktiviti berpasangan dirancang dengan teliti dalam setiap sesi PdP bagi memudahkan proses pentaksiran kemahiran lisan.

*“Biasanya kalau buat main peranan, simulasi, lakonan ni, saya biasa akan buat secara berpasangan, paling ramai pun lima watak dalam satu cerita....”*

(TB/GBM4/SR4)

Akhir sekali, setiap sesi PdP diakhiri dengan langkah penutup yang bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman murid terhadap isi pelajaran. Penutup juga memastikan sesi PdP ditamatkan dengan cara yang menarik dan memberikan kesan positif kepada murid. Dalam pelaksanaannya, aktiviti penutup boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk, seperti soal jawab atau aktiviti didik hibur. Dapatkan pemerhatian dan analisis dokumen menyokong kenyataan ini dengan menunjukkan bahawa aktiviti penutup sering dilaksanakan dengan berkesan, seperti nyanyian atau interaksi ringkas dengan murid untuk memastikan mereka memahami pembelajaran yang telah disampaikan.

*“Sekurang-kurangnya saya boleh mengajak murid untuk menyanyi sebelum menamatkan sesi PdP.”*

(TB/GBM5/SR5)

Langkah pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan bermula dengan set induksi bagi menarik perhatian murid sebelum terlibat dalam aktiviti berkumpulan, berpasangan dan individu untuk membina keyakinan serta mengasah kemahiran lisan secara progresif. Proses ini diakhiri dengan penutup bagi memperkuuh pembelajaran. Pendekatan berstruktur ini memastikan pentaksiran autentik berjalan secara menyeluruh dan berkesan.

### *Penilaian*

Pentaksiran autentik kemahiran lisan yang berkesan adalah merangkumi sesi penilaian yang dibuat terhadap hasil mahu pun pelaksanaan aktiviti itu sendiri. Penilaian ini dinyatakan oleh peserta kajian menerusi sesi temu bual yang dijalankan. Hasil temu bual dan dapatan sokongan daripada sesi pemerhatian dan analisis dokumen mendapat terdapat tiga jenis penilaian yang dilaksanakan semasa sesi aktiviti autentik kemahiran lisan iaitu penilaian guru, rakan sebaya dan kendiri.

Menurut peserta kajian, penilaian guru melibatkan pengamatan dan pencatatan setiap aspek kemahiran lisan yang dinilai. Pujian dan teguran yang diberikan oleh peserta kajian semasa aktiviti autentik dijalankan menunjukkan bahawa mereka memberi perhatian terhadap penguasaan murid. Pemerhatian mendapati peserta kajian melakukan penilaian terhadap penguasaan dan hasil kerja murid. Selain itu, analisis dokumen menunjukkan adanya catatan dalam RPH, yang mencatat tahap penguasaan kemahiran lisan murid sebagai sebahagian daripada proses pentaksiran. Penilaian guru ini berlaku semasa sesi PdP berlangsung dan berfokus kepada pengukuran terhadap pencapaian murid mengikut standard prestasi yang telah ditetapkan.

*“Kita tengok kita nilai.... Kemahiran lisan ni kita uji semasa PdPc berlangsung, semasa murid mengikuti PdPc berkenan.”*

(TB/GBM4/SR4)

Penilaian rakan juga dilaksanakan bagi memberikan peluang kepada murid lain untuk memberi komen dan ulasan terhadap persembahan atau hasil kerja yang ditunjukkan oleh rakan mereka. Penilaian ini bertujuan memberikan panduan kepada murid untuk meningkatkan mutu hasil kerja mereka. Pemerhatian mendapati peserta kajian meminta murid memberikan komen terhadap persembahan yang disampaikan oleh murid lain. Penilaian rakan ini boleh dilaksanakan dalam bentuk lisan atau menggunakan alat bantu seperti kad penanda.

RPH juga mencatatkan penilaian rakan sebagai salah satu aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dalam sesi PdP.

*“Selepas itu, murid-murid yang menjadi penonton, kita boleh minta mereka untuk memberikan komen atau pun ulasan selepas aktiviti dijalankan.”*

(TB/GBM2/SR2)

Penilaian kendiri pula dilaksanakan semasa aktiviti berlangsung, dengan murid menilai diri mereka sendiri mengenai perasaan dan kepuasan terhadap hasil kerja mereka. Pemerhatian menunjukkan bahawa peserta kajian menggunakan kad untuk menunjukkan penilaian murid terhadap diri mereka sendiri. Catatan dalam RPH juga menyokong dapatan ini dengan jelas menunjukkan bahawa penilaian kendiri dilaksanakan sebagai sebahagian daripada aktiviti autentik kemahiran lisan.

*“Biasanya saya juga akan meminta murid yang berlakon tadi untuk menilai diri sendiri sama ada berpuas hati atau tidak dengan lakonan tersebut.”*

(TB/GBM3/SR3)

Langkah penilaian dalam pentaksiran autentik melibatkan penilaian guru, rakan sebaya dan kendiri bagi memastikan pentaksiran lebih holistik dan berkesan. Penilaian guru memberi maklum balas profesional, penilaian rakan sebaya membolehkan murid belajar melalui pemerhatian dan interaksi, manakala penilaian kendiri mendorong refleksi serta kesedaran terhadap kekuatan dan aspek yang perlu diperbaiki. Pendekatan bersepadu ini membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan kemahiran lisan secara berterusan.

#### *Refleksi Guru*

Dalam sesuatu pelaksanaan sesi PdP yang dijalankan, refleksi guru adalah satu elemen penting bagi menjadi penanda aras keberkesanan dan kejayaan aktiviti terbabit. Dapatan ini menunjukkan terdapat dua elemen dalam refleksi yang harus dititikberatkan oleh seorang guru iaitu maklum balas aktiviti dan intervensi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa maklum balas yang diberikan secara langsung semasa aktiviti autentik dijalankan sangat penting dalam menilai kejayaan dan keberkesanan aktiviti tersebut. Peserta kajian menyatakan bahawa pencapaian murid yang dipamerkan semasa aktiviti berlangsung memberikan gambaran jelas tentang sejauh mana aktiviti tersebut berjaya. Maklum balas ini menjadi salah satu bentuk refleksi bagi guru, kerana ia memberi maklumat langsung tentang tahap keberkesanan aktiviti. Dengan adanya maklum balas tersebut, guru dapat merancang penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti autentik kemahiran lisan pada masa akan datang. Maklum balas ini juga memudahkan guru untuk mengenal pasti elemen-elemen yang perlu ditingkatkan dalam aktiviti yang akan datang.

*“Kita cikgu juga mudah nak dapat feedback kejayaan aktiviti yang kita laksanakan, sebab murid tunjuk hasil pembelajaran terus pada masa tersebut.”*

(TB/GBM4/SR4)

Selain itu, refleksi aktiviti autentik juga penting dalam menentukan bentuk intervensi yang boleh dilaksanakan selepas aktiviti tersebut. Peserta kajian menjelaskan bahawa guru perlu melaksanakan intervensi melalui aktiviti pengayaan dan pemulihan berdasarkan tahap penguasaan murid terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan. Analisis dokumen pada RPH mendapati catatan yang menunjukkan ruangan untuk "Pemulihan: Pengukuhan: Pengayaan" di bahagian bawah, yang membuktikan bahawa aktiviti intervensi dirancang berdasarkan keperluan murid. Ruangan ini membuktikan bahawa peserta kajian menyediakan tempat bagi mencatat intervensi yang perlu dilakukan setelah aktiviti autentik dilaksanakan. Oleh itu, refleksi guru tidak hanya berfungsi sebagai penilaian terhadap keberkesanan aktiviti, tetapi juga sebagai panduan untuk merancang langkah intervensi yang sesuai.

*“Dan guru juga boleh melakukan intervensi selepas itu. Apakah aktiviti yang boleh dilakukan untuk murid sederhana dan lemah tadi.”*

(TB/GBM2/SR2)

Refleksi guru dalam pentaksiran autentik bertujuan bagi menambah baik pelaksanaan pengajaran serta pentaksiran. Maklum balas daripada aktiviti membantu guru menilai keberkesanan strategi yang digunakan, manakala intervensi dirancang untuk memperbaiki kelemahan murid serta memperkuuh penguasaan kemahiran lisan. Proses refleksi ini memastikan penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik yang lebih efektif dan bermakna.

### **Perbincangan**

Dalam usaha untuk memahami dan melaksanakan pentaksiran autentik kemahiran lisan secara efektif, langkah-langkah pelaksanaan aktiviti autentik ini haruslah difahami dan diketahui dengan terperinci. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, terdapat empat langkah utama yang perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan berasaskan pendekatan tematik iaitu perancangan aktiviti, pelaksanaan aktiviti, penilaian aktiviti, dan refleksi guru.

Perancangan yang teliti dan rapi adalah kunci dalam melaksanakan aktiviti autentik yang berkesan. Hal ini mendukung pendapat Ahmad Burhanuddin (2021) yang menyatakan bahawa aktiviti lisan perlu dirancang dan dijadikan rutin agar murid dapat meningkatkan penguasaan kemahiran lisan. Terdapat beberapa aspek penting yang perlu dipertimbangkan dalam perancangan ini iaitu membuat rujukan, menentukan objektif, tema, bilangan murid, aras murid, lokasi, bahan bantu mengajar serta makluman awal kepada murid. Dapatan kajian Ashma dan Wan Muna Ruzanna (2023) juga mendapati bahawa guru Bahasa Melayu telah membuat perancangan pentaksiran yang jelas menunjukkan guru sentiasa bersedia sebelum membuat sebarang pentaksiran.

Di samping itu, bagi langkah pelaksanaan pula, pentaksiran autentik ini haruslah dilaksanakan dalam suasana yang kondusif dan autentik. Set induksi dan penutup yang menarik dapat memberangsangkan murid untuk mengikuti sesi PdP dengan lebih efisien. Andi Achru (2019) ada menyatakan bahawa minat murid terhadap pembelajaran mampu menjadikan tumpuan dan perhatian murid lebih tinggi dalam menerima sesuatu pembelajaran. Bagi aktiviti pula, kajian mendapati aktiviti berkumpulan merupakan pilihan utama para guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik. Aktiviti secara berkumpulan dapat mewujudkan interaksi aktif murid dengan rakan dan guru di dalam bilik darjah. Hal ini sebenarnya nampak lebih berkesan apabila melibatkan kognitif dan sosial murid dalam melaksanakan aktiviti tersebut. Hal ini selari dengan dapatan Lee dan Faridah (2022) yang mendapati aktiviti berpusatkan murid dapat membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan menyeronokkan.

Bagi langkah penilaian pula, penilaian guru, penilaian rakan sebaya dan penilaian kendiri penting untuk dilaksanakan. Unsur ganjaran dan pujian yang diselitkan oleh guru dalam membuat penilaian ini dapat menjadikan murid lebih bermotivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti autentik yang dijalankan. Nur Afriyah dan Alexander (2022) ada menyatakan bahawa pujian merupakan satu ganjaran yang dapat mempengaruhi murid untuk lebih bersemangat dan bersaing dengan sihat antara satu sama lain. Bentuk penilaian ini juga sebagai penanda aras kepada murid untuk mengetahui tahap penguasaan kemahiran lisan serta kejayaan hasil kerja yang telah dilakukan bagi memenuhi keperluan aktiviti tersebut. Manakala penilaian rakan serta kendiri ini sememangnya dapat membantu murid untuk memperbaiki kelemahan dalam kemahiran lisan bahasa Melayu khususnya. Kajian Ahmad Burharuddin (2021) serta Hasibun dan Irzawati (2020) turut menekankan kepentingan penilaian kendiri dalam membantu murid meningkatkan kemahiran lisan secara berkesan.

Di samping itu, refleksi guru juga penting dalam menentukan tindakan susulan yang perlu diambil bagi memantapkan pentaksiran autentik kemahiran lisan berasaskan pendekatan tematik ini. Kajian Zaim et al. (2019) melaporkan bahawa refleksi guru adalah kunci untuk memastikan aktiviti autentik dijalankan dengan lebih berkesan, terutama dalam menilai sejauh mana murid dapat mengaplikasikan kemahiran lisan dalam

konteks bertema. Guru disarankan untuk membuat refleksi bagi mendapatkan maklum balas kejayaan aktiviti atau sebaliknya serta merancang aktiviti intervensi yang perlu dijalankan.

Sesungguhnya, dapatan ini dapat menutup jurang dalam model Pentaksiran Bilik Darjah (KPM, 2019), yang sering kali berfokus kepada aktiviti pentaksiran yang bersifat formal dan terhad kepada bilik darjah, tanpa menghubungkannya dengan situasi kehidupan sebenar. Model PBD sedia ada cenderung menumpukan kepada hasil akhir pentaksiran, manakala dapatan kajian ini menekankan kepentingan proses sepanjang pelaksanaan pentaksiran autentik, termasuk elemen perancangan bertema dan refleksi guru. Dengan memperkuuh pendekatan PBD melalui langkah-langkah autentik bertema yang diperincikan dalam kajian ini, model ini dapat ditingkatkan untuk memberikan penilaian yang lebih holistik dan kontekstual.

Kesimpulannya, pelaksanaan pentaksiran autentik kemahiran lisan Bahasa Melayu berasaskan pendekatan tematik di sekolah rendah memberikan implikasi yang signifikan terhadap guru, murid, dan pembuat dasar. Bagi guru, pentaksiran ini mendorong mereka untuk meningkatkan kemahiran profesionalisme, khususnya dalam merancang aktiviti pembelajaran yang lebih autentik dan relevan dengan kehidupan murid. Guru juga perlu memahami dengan mendalam kaedah penilaian autentik yang menilai murid secara holistik, termasuk aspek kognitif, afektif, dan psikomotor. Bagi murid, pendekatan ini memperkasa mereka melalui pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna, memberi ruang kepada ekspresi idea secara kreatif, serta meningkatkan kemahiran komunikasi secara realistik dalam konteks kehidupan sebenar. Dari sudut pembuat dasar, pentaksiran ini menuntut penyediaan garis panduan yang komprehensif serta sokongan sumber seperti latihan guru dan bahan rujukan untuk memastikan pelaksanaannya seragam dan efektif di seluruh sekolah rendah. Pendekatan ini juga menuntut penilaian semula dasar pendidikan untuk memastikan kesesuaian sistem pentaksiran dengan kehendak pendidikan abad ke-21 yang menitikberatkan kemahiran insaniah dan penguasaan bahasa.

## Kesimpulan

Pelaksanaan pentaksiran autentik bagi kemahiran lisan Bahasa Melayu berasaskan pendekatan tematik merupakan langkah penting dalam meningkatkan kualiti pentaksiran, khususnya dalam kemahiran lisan. Pendekatan tematik ini memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pengetahuan bahasa dalam konteks yang lebih nyata dan bermakna, sekali gus menggalakkan pembelajaran yang lebih interaktif dan kritikal. Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran autentik, langkah-langkah yang betul perlu diikuti dalam melaksanakan aktiviti autentik. Pentaksiran ini, yang berkait rapat dengan kehidupan dunia sebenar murid, berupaya meningkatkan kemahiran komunikasi mereka, memberikan peluang untuk berlatih dan menggunakan bahasa dalam situasi yang pelbagai dan menarik.

Selain itu, kajian lanjutan boleh dilaksanakan untuk membangunkan modul latihan guru atau garis panduan yang lebih komprehensif dan bersifat praktikal, sebagai rujukan utama bagi guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran autentik secara efektif. Modul ini perlu merangkumi panduan langkah demi langkah pelaksanaan pentaksiran autentik, contoh aktiviti autentik yang relevan dengan kemahiran lisan, dan kriteria pentaksiran yang jelas bagi memudahkan guru memahami dan melaksanakannya. Selain itu, kajian juga perlu memberi perhatian kepada pembangunan model atau kerangka pelaksanaan yang boleh digunakan secara meluas, termasuk dalam konteks murid dengan pelbagai tahap kebolehan dan latar belakang. Seterusnya, perlu ada inisiatif untuk menjalankan kajian empirikal yang lebih mendalam tentang keberkesanan modul atau garis panduan tersebut dalam meningkatkan amalan guru dan pencapaian murid. Kajian ini juga boleh diperluaskan kepada pembangunan alat pentaksiran digital yang dapat menyokong pentaksiran autentik, terutama dalam memastikan penyesuaian kepada keperluan pendidikan abad ke-21. Oleh itu, adalah disarankan agar kementerian, institusi pendidikan, dan penyelidik berganding bahu untuk memperkasa pembangunan sumber dan alat sokongan ini, sekali gus memastikan pentaksiran autentik ini dapat diperluaskan dan dioptimumkan dalam sistem pendidikan.

**Penghargaan:** Sokongan kewangan daripada Kementerian Pendidikan [KPM.BT.700-30/21/26(3)] amat dihargai. Selain itu, kajian ini juga boleh dianggap sebagai kesinambungan penyelidikan yang dijalankan pada

tahun sebelumnya. Oleh itu, penyelidik merakamkan penghargaan tulus kepada institusi-institusi dan pihak-pihak yang terlibat yang telah memberikan sokongan sehingga berjaya melaksanakan kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Tiada konflik kepentingan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

## Rujukan

- Ahmad, B. (2021). Improving students' oral communication skills in public speaking through individual presentation task. *Jurnal Ilmiah Lingua Idea*, 2(12), 159-167. <https://doi.org/10.20884/1.jili.2021.12.2.4425>
- Andi, A. (2019). Pengembangan minat belajar dalam pembelajaran. *Jurnal Idaarah*, 3(2), 205- 215. <https://doi.org/10.24252/idaarah.v3i2.10066>
- Ashma, S. & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2023). Pemansuhan UPSR: Kesediaan guru Bahasa Melayu Tahun Enam dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 181-191.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chew, F. P. & Mohd Fikri, I. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25.
- Clarke, V., & Braun, V. (2017). Thematic analysis. *The Journal of Positive Psychology*, 12(3), 297–298. <https://doi.org/10.1080/17439760.2016.1262613>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dayang Julida, A. T. & Muhd Izwan, M. (2021). Minat, tingkah laku disruptif dan gaya pembelajaran murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 49-64.
- Elfia, S., Ritawati, M., Rahmatinda & Ari, S. (2019). Problems in oral language teaching in primary school. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 301, 379-383. <https://doi.org/10.2991/ica-18.2019.63>
- Fa'izah, A. M., Zamri, M. & Mohamed Amin. (2009). Penyelidikan strategi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4, UKM-UNRI*, 259-268.
- Firdayu, F. & Ardiyal. (2021). Pengembangan video pembelajaran menggunakan aplikasi Kinemaster pada pembelajaran tematik di sekolah dasar. *Jurnal Basicedu*, 5(6), 6330-6338. <https://doi.org/10.31004/basicedu.v5i6.1387>
- Halimah, J. & Rozita, R. S. (2019). Pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan Bahasa Melayu dalam pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 9(2), 25-36.
- Hariatul, H. M. K., Mohd Nazri, A. R. & Muhammad Azhar, Z. (2021). Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran Bahasa Arab berdasarkan keperluan pembelajaran murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41-57.
- Hasibuan, A. R. & Irzawati, I. (2020). The correlation between digital literacy and English proficiency of Unika Musi Charitas as first-year students. *DIDASCEIN: Journal of English Education*, 1(2), 1-7.
- Juliper, N. (2020). Analysis of the success rate of thematic learning implementation of low grade elementary school. *International Journal of Education and Research*, 8(2), 51-56.
- Kalai, S. A. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Draf awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Pentaksiran Bilik Darjah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Buletin BPK September-Okttober. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kon, C. M. (2014). Kefahaman dan amalan terhadap pendekatan tematik daripada perspektif guru Kemahiran Hidup Bersepadu di Negeri Perak. *Tesis Sarjana*, Universiti Putra Malaysia.
- Kvale, S. (2007). *Doing interviews*. SAGE Publications.
- Lee, N. T. & Faridah, M. K. (2022). Meningkatkan kemahiran membaca dan motivasi murid bukan penutur natif dalam Bahasa Melayu melalui kaedah Ekspres-I. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), 1-21.
- Masfarizan, M. & Mohammed Yusoff, M. N. (2020). Kebolehlaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) secara atas talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di daerah Sentul, Kuala Lumpur. *Prosiding Seminar Nasional FIP*, 213-218.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Mohd. Farik, M. & Musirin, M. (2020). Isu kejurulatihan pidato dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah: Satu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11), 141-146.
- Muhammad Noor Abdul Aziz, Nurahimah Mohd Yusoff & Mohd Faiz Mohd Yaakob. (2020). Challenges in using authentic assessment in 21st century ESL classrooms. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 9(3), 759–768.
- Nor Azizah Atan, Zahara Mohamad, Norasyikin Yaacob & Norshila Shafie. (2020). Amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. *Proceedings of International Conference on the Future of Education (IConFEd) 2020*, 184–196.
- Nor Fatin Adlina Mohd Salleh & Zarina Othman. (2024). Gaya bahasa dan motivasi pelajar antarabangsa dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(4), 334–338.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 6(2), 1–11.
- Nur Afriyah & Alexander, G. A. (2022). Ganjaran dalam pendidikan perspektif al-Qur'an. *Jurnal Asy-Sykriyyah*, 23(1), 103–112.
- Nur Anis Hidayah, M. N. & Abdul Halim, M. (2020). Role-play in teaching English as a second language in early childhood education. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(Special Issue), 143–151.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rahmawati. (2021). Implementation of authentic assessment in learning the Indonesian language. *International Journal of Educational Development and Innovation*, 1(1), 37–44.
- Rejeki, M.Fachri A. & Pariang S. S. (2020). Pemanfaatan media pembelajaran pada pembelajaran tematik terpadu di sekolah dasar. *Jurnal Basicedu*, 4(2), 337–343.
- Rizki, A., Fadhilaturrahmi & Imam Hanafi. (2021). Dampak pandemi Covid-19 terhadap pembelajaran tematik di sekolah dasar. *Jurnal Basicedu*, 5(3), 1689–1694.
- Rozana J. (2020). Strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis dalam kalangan pelajar etnik Cina dan India ketika belajar bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 64–76.
- Selvi L. & Wastika N. B. (2020). Dampak pandemik COVID-19 pada kesiapan pembelajaran Tadris Matematika IAIN Metro Lampung. *Jurnal Pendidikan Matematika*, 2(1), 61–69.

- Sh. Siti Hauzimah, W. O. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 56–67.
- Sharida, A. T., Nurfaradilla, M. N. & Muhammad Sofwan, M. (2024). Transformasi ke arah profesionalisme: Kesediaan guru matematik dalam menghadapi cabaran pendidikan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(3), 98–102.
- Siti Nor Aishah. (2019). Kesediaan, penerimaan dan pengoperasian Guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap amalan dalam pentaksiran berdasarkan sekolah. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Salwa, M. N., Norasyikin, O. & Nurazan, M. R. (2021). Kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 59–69.
- Spradley, J. P. (2016). *Participant observation*. Waveland Press.
- Syafiqah, R., Zuraidah, A. & Siti Hasanah, M. H. (2021). Cabaran pelaksanaan pentaksiran autentik dalam pendidikan rendah di Malaysia. *Journal of Educational Practice*, 11(4), 78–90.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.
- Zaim, M., Refnaldi & Safnil, A. (2020). Authentic assessment for speaking skills: Problem and solution for English secondary school teachers in Indonesia. *International Journal of Instruction*, 13(3), 587–604.